

Headline	26 penduduk terima subsidi RMR1M		
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)		
Date	19 May 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	46	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	210 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,471
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,413



26 penduduk terima subsidi RMR1M



Noraini (tengah) bergambar bersama 26 penduduk yang layak menerima bantuan RMR1M dalam kawasan Parlimen Parit Sulong.

BATU PAHAT - Seramai 26 penduduk yang layak di Parlimen Parit Sulong mendapat durian runtuh apabila terpilih menjadi penerima subsidi Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M).

Daripada jumlah itu, secara keseluruhannya bantuan yang diberikan adalah RM827,000.

Ahli Parlimen Parit Sulong, Datuk Dr Noraini Ahmad berkata, setiap pemohon yang layak menerima secara keseluruhannya sebanyak RM31,840 untuk setiap rumah yang dibina.

Menurutnya, ini termasuklah kadar faedah pinjaman sebanyak dua peratus yang ditanggung kerajaan atau RM11,840, serta bakinya RM20,000 untuk kos pembinaan sebuah rumah.

“Secara totalnya setiap rumah kos pembinaannya sekitar RM65,000 dan setelah ditolak dengan subsidi kerajaan yang diberikan, setiap penerima subsidi RMR1M ini hanya

INFO • Secara keseluruhannya bantuan yang diberikan adalah RM827,000.

perlu bayar RM270 untuk setiap bulan.

“Mereka yang terima subsidi ini seharusnya bersyukur kerana dengan jumlah itu dapat miliki rumah sendiri yang selesa berbanding dengan menyewa yang harganya lebih tinggi dari rumah RMR1M,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa Majlis Penyerahan Sijil Kelayakan Inden Kerja RMR1M Peringkat Parlimen Parit Sulong yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Datuk Ahmad Azizi Ali.

Sementara itu, menurut Ahmad Azizi, sejak tahun 2002 hingga Februari 2017, sebanyak 86,327 per-

mohonan diterima pihaknya di seluruh negara, namun hanya 46,552 yang diluluskan.

Katanya, daripada jumlah itu sebanyak 37,315 unit RMR1M berjaya disiapkan, 7,595 unit masih dalam proses pembinaan dan 1,642 lagi dalam peringkat dokumen perjanjian.

“Manakala sebanyak 28,268 permohonan ditolak atas faktor tertentu seperti masalah pemilikan tanah dan sebanyak 11,507 permohonan kini masih berada dalam senarai menunggu kelulusan.

“Bagi Johor pula, sebanyak 11,326 permohonan diterima sejak RMR1M diperkenalkan dan daripada jumlah itu sebanyak 2,276 diluluskan, selain 5,113 siap dibina, 1,068 sedang dibina serta 95 lagi masih dalam dokumen perjanjian.

“Bagi 2017 pula, di seluruh negara kita telah menyasarkan 10,000 RMR1M berjaya disiapkan,” katanya.